

09/06/1997

Tindakan kerana ingkar amaran

Sariha Mohd Ali

PEKAN, Ahad - Majlis Tertinggi (MT) Umno mengambil tindakan tegas terhadap segelintir pemimpin yang terbabit dalam rasuah dan salah guna kuasa selepas mereka tidak menghiraukan amaran dan nasihat yang diberikan sebelum ini.

Naib Presidennya, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata tiba masanya Umno bertindak tegas bagi mengelakkan kredibiliti parti dipertikaikan pihak lain.

Menurutnya, Umno menyedari ada pihak terkejut dengan perkembangan sekarang.

"Keputusan tegas itu dilakukan selepas mengambil kira hasil siasatan dan bukti bahawa mereka melakukan kesalahan itu.

"Saya ingin menjelaskan bukan mudah untuk MT membuat keputusan memecat, menggantung atau menyenaraikan nama barisan pemimpin peringkat negeri dan Pusat yang melakukan kesalahan rasuah serta salah guna kuasa kerana mereka banyak berjasa kepada parti dan negara.

"Bagaimanapun, tindakan tegas perlu dilakukan kerana tempoh memberi amaran dan nasihat sudah berlalu dan kini adalah waktu untuk bertindak.

"Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga sudah berucap panjang mengenai isu rasuah dan salah guna kuasa dalam Perhimpunan Agung Umno yang lalu, usul mengenainya sudah dibentang dan kita bersetuju menyokongnya, malah Perdana Menteri menitiskan air mata tetapi masih ada yang tetap berbuat demikian," katanya merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno bahagian Pekan di sini, hari ini.

Najib yang juga Menteri Pendidikan berkata, tindakan tegas MT bukan untuk mengkhianati atau menjatuhkan pemimpin tetapi berasaskan kepada keadilan dan bukti selepas siasatan dijalankan.

Berikutan itu, katanya, pada peringkat siasatan, maklumat mereka tidak akan didedahkan kepada media.

"Tindakan memerangi rasuah dan salah guna kuasa perlu dilakukan bagi mengelak ia menjadi amalan dan budaya seharian.

"Ini kerana, jika kita mengetengahkan pemimpin yang suka memberi habuan, dia akan berusaha menambah kekayaan bagi memastikan dirinya terus kekal dalam parti.

"Apabila tiba pada peringkat itu, rakyat sudah hilang keyakinan terhadap kerajaan dan kita sudah terlewat untuk mengatasi masalah terbabit," katanya.

(END)